Wadah Pembaharuan
BH ONLINE

Malaysia kini pengeluar automotif ke-23 terbesar dunia

Oleh Mohd Zaky Zainuddin - Oktober 31, 2023 @ 4:54pm
zaky@bh.com.my



Industri automotif Malaysia adalah perintis tunggal Asia Tenggara bagi syarikat kereta tulen menerusi PROTON dan PERODUA - Gambar fail NSTP

KUALA LUMPUR: Industri automotif Malaysia berada pada kedudukan ketiga terbesar di Asia Tenggara selepas Thailand dan Indonesia, selain menduduki ranking ke-23 dunia dengan menghasilkan lebih 500,000 unit kenderaan setahun.

Pengarah Rakan Kongsi Jualan Dassault Systèmes bagi Asia Pasifik Selatan, Simon Ng, berkata dari aspek pencapaian, industri automotif Malaysia adalah perintis tunggal Asia Tenggara bagi syarikat kereta tulen menerusi PROTON dan PERODUA sejak 1980.

"Industri automotif Malaysia memiliki sekitar 27 pengeluar kenderaan dan lebih 640 pengeluar komponen.

"Industri ini menyumbang 4.0 peratus atau RM40 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan memiliki lebih 700,000 pekerja di seluruh ekosistem," katanya pada taklimat media di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Naib Presiden Dassault Systèmes bagi Pengangkutan & Mobiliti Asia, Guillaume Gerondeau.

Mengulas mengenai trend kenderaan elektrik (EV), Ng berkata, segmen baharu industri itu dikenal pasti sebagai sektor berimpak tinggi sehingga menjadi antara intipati penting dalam Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030).

"Inisiatif kerajaan menerusi NIMP 2030, Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR), pemerkasaan Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) serta Pelancaran Rangka Kerja Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus Industri (ESG) Kebangsaan (i-ESG) bakal memperkemaskan pelaksanaan EV di Malaysia.

"Ia dapat ditonjolkan menerusi peningkatan penggunaan EV di mana tahun lalu sahaja lebih 2,600 kenderaan elektrik berasaskan bateri (BEV) terjual, peningkatan lebih 800 peratus berbanding hanya 274 BEV dijual pada 2021.

"Kami menjangkakan jualan BEV akan terus melonjak lagi disokong pengecualian cukai import hinggalah duti eksais untuk EV sehingga 2032," katanya.

Beliau berkata, dengan perkembangan semasa EV, ia membuka peluang kepada industri untuk beralih dari rantaian nilai pengeluaran kos rendah kepada inovasi bernilai tinggi.

Katanya, industri tempatan perlu memanfaatkan perkembangan rantaian bekalan di Malaysia dan rantau ini dengan Malaysia memiliki kekuatan dalam aspek pembuatan khususnya semikonduktor.

"Industri automotif Malaysia perlu memanfaatkan pelbagai inisiatif kerajaan. dalam masa sama perlu memperkasakan syarikat pemula niaga dan menggalakkan ekosistem EV baharu untuk menggunakan teknologi baharu," katanya.

Sementara itu, Gerondeau berkata, Dassault Systèmes yang juga firma penyelesaian mobiliti masa depan berpangkalan di Perancis menyifatkan sektor automotif Malaysia menjadi antara pasaran yang paling pesat berkembang di dunia.

Beliau berkata, pasaran automotif Malaysia memiliki rantaian pengeluaran yang baik untuk perkembangan seterusnya merangkumi pasaran domestik.

Katanya, segmen kenderaan pembakaran dalam (ICE) menyaksikan Malaysia memiliki keupayaan untuk bersaing dengan pasaran lain di Asia Tenggara, namun perlu menangani beberapa perkara untuk peralihan elektrifikasi dan mobiliti sebagai perkhidmatan (MaaS).

"Aspek elektrifikasi dan MaaS dalam industri automotif Malaysia akan diperkenalkan secara berperingkat. Saya melihat pelbagai idea yang tumbuh untuk mengembangkan lagi dan ia akan diwujudkan dengan sangat pantas.

"Sebagaimana negara Asia lain, Malaysia memerlukan titik pertemuan antara teknologi, trend pengguna dan peraturan alam sekitar untuk mengembangkan lagi sektor automotif khususnya membabitkan elektrifikasi dan MaaS," katanya.